



SIARAN MEDIA

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR

12 OKTOBER 2021

FORUM IKLIM KEBANGSAAN: MONSUN TIMUR LAUT 2021/2022

'Cabaran dan Persediaan Norma Baharu' adalah tema bagi Forum Iklim Kebangsaan: Monsun Timur Laut 2021/2022 anjuran Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia). Tema ini dipilih bagi memperkasakan persediaan semua pihak pengurusan bencana dalam mengadaptasi norma baharu di kala negara masih lagi berada di dalam peralihan fasa pelan pemulihan negara.

Forum Iklim Kebangsaan (FIK) yang merupakan program tahunan MET Malaysia sejak tahun 2011 menjadi satu platform perbincangan jabatan dan agensi utama yang terlibat dalam pengurusan bencana. Ianya bertujuan untuk memastikan kesiapsiagaan pelbagai pihak dalam menghadapi Monsun Timur Laut selaras dengan objektif penganjuran Bulan Kesiapsiagaan Nasional pada Oktober setiap tahun. Orang awam dan pihak media turut didedahkan dengan peranan serta perkhidmatan cuaca dan iklim yang dibekalkan oleh MET Malaysia serta maklumat terkini jangkaan keadaan cuaca semasa Monsun Timur Laut. Pada tahun ini, FIK diadakan secara maya pada 12 Oktober 2021, Selasa dari jam 10.45 pagi sehingga 1.00 tengah hari dan disiarkan secara langsung melalui Aplikasi Zoom dan juga Facebook Live. Selain moderator dan ahli panel dari MET Malaysia, turut terlibat adalah ahli panel berpengalaman dari Agensi Bencana Negara (NADMA), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Objektif utama penganjuran FIK tahun ini adalah lebih kepada perkongsian maklumat mengenai peranan dan tanggungjawab agensi-agensi pengurusan bencana yang turut terkesan dengan situasi pandemik serta persediaan dan perancangan menghadapi Monsun Timur Laut dalam norma baharu. Selain itu, ianya juga diharap dapat meningkatkan kesedaran awam mengenai maklumat, nasihat dan amaran cuaca serta angin kencang dan laut bergelora, risiko bencana banjir, dan kesan perubahan iklim terhadap cuaca di negara ini. Informasi yang diperolehi dari forum sebegini dapat memberi panduan dan membantu komuniti menjadi masyarakat yang lebih bersedia menghadapi sebarang kemungkinan bencana. Seterusnya, membolehkan pihak bertanggungjawab bertindak balas dengan lebih pantas dan berkesan dalam menyalurkan bantuan yang bersesuaian dengan situasi.

Monsun Timur Laut 2021/2022 diramal bermula pada awal bulan November 2021 dan berakhir pada Mac 2022. Dalam tempoh ini, empat hingga enam episod hujan lebat yang signifikan dan boleh mendatangkan banjir dijangka berlaku semasa fasa awal Monsun Timur Laut iaitu dari November 2021 hingga Januari 2022. Di Kelantan, Terengganu dan Pahang, episod hujan lebat berlaku antara November

hingga Disember 2021. Manakala, mulai Disember 2021 hingga Januari 2022, episod hujan lebat dijangka lebih tertumpu di Johor, Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, semasa luruan udara sejuk yang kuat, ia juga boleh mempengaruhi keadaan cuaca negeri-negeri di pantai barat Semenanjung Malaysia.

Jangkaan jumlah hujan tertinggi semasa Monsun Timur Laut 2021/2022 adalah pada November dan Disember 2021 di pantai timur Semenanjung Malaysia. Pada November dan Disember 2021, Kelantan dan Terengganu dijangkakan menerima taburan hujan sedikit melebihi purata iaitu antara 450 mm hingga 1000 mm. Manakala bagi Januari hingga Mac 2022, secara amnya semua negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dijangka menerima hujan pada paras purata kecuali di pedalaman dan barat Sarawak serta timur Sabah yang dijangkakan menerima hujan sedikit melebihi purata pada Januari iaitu antara 350 mm hingga 950 mm.

Penganjuran forum ini menunjukkan Kerajaan kekal komited dalam usaha meningkatkan kesiapsiagaan bersama agensi-agensi pengurusan bencana dan masyarakat dalam menghadapi impak banjir yang sering kali melanda negara terutamanya semasa musim tengkujuh. Selain itu, diharap kerjasama dan sokongan yang baik antara agensi pengurusan bencana, badan berkanun dan swasta, institusi pengajian tinggi serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam membantu mengurangkan kesan risiko bencana berkaitan cuaca ekstrem dapat diteruskan agar pengurusan bencana Negara lebih mampan pada masa hadapan.

Sumber:
Ketua Pengarah
Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)
Kementerian Alam Sekitar dan Air
12 Oktober 2021

